



Penyelesaian Pertikaian Alternatif Secara Runding Cara ke Atas Kes Tunggakan Nafkah di Era Pandemik Covid-19 di Mahkamah Syariah Pulau Pinang

Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR)

Consultation As The Alternative Dispute Resolution For Maintenance Arrears Cases During Covid 19 Pandemic In Penang Syariah Court

01

Submitted: 31 March 2022
Revised: 22 April 2022
Accepted: 27 April 2022
E-Published: 30 April 2022

MOHD HAZWAN ISMAIL
Calon Ph.D Syariah (Fiqh dan Perundangan Islam)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
hazwanismail@student.usm.my

JASNI SULONG
Prof. Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
jasni@usm.my

ABSTRAK

Kewajipan memberi nafkah terletak pada si suami kepada isterinya, bekas suami kepada bekas isterinya dalam tempoh iddah dan bapa kepada anaknya. Bagi si bapa, nafkah perlu dibayar sehinggalah anak tersebut meningkat dewasa. Si penanggung nafkah perlu bekerja untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan nafkah. Walau bagaimanapun pada Disember 2019, dunia telah dilanda pandemik Covid-19 yang bermula dari negara China dan merebak sehingga ke Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 bagi mengelak daripada penularan tersebut. Pelbagai sektor ekonomi ditutup termasuk peniaga-peniaga kecil dan juga pekerja kilang kecuali sektor yang penting sahaja seperti polis, bomba dan lain-lain yang masih boleh beroperasi. Akibat daripada itu, si suami, bekas suami atau bapa yang bekerja sendiri atau bekerja kilang tidak dapat keluar bekerja untuk mencari wang dan seterusnya nafkah tidak terbayar mengakibatkan tunggakan nafkah berlaku. Dalam kajian ini, metode yang digunakan adalah pengumpulan data iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data statistik kes tunggakan nafkah dianalisis dan kes-kes diuraikan bagi membincangkan penyelesaian kes sama ada berjaya atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati, kes-kes yang tidak dihadiri untuk perbincangan dapat diselesaikan secara dalam talian iaitu melalui telefon. Penyelesaian tersebut mendapati sebanyak 75.71% kes yang berjaya diselesaikan dengan perbincangan kedua-dua pihak.





Kata Kunci: Nafkah Anak, Tunggakan Nafkah, Runding Cara, Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

The obligation to provide maintenance lies with the husband to his wife, the ex-husband to his ex-wife during the period of iddah, and the father to his child. Alimony must be given to the father until the child reaches adulthood. The breadwinner must work to earn money in order to meet the household's necessities. However, the world was struck by the Covid-19 epidemic in December 2019, which began in China and spread to Malaysia. Starting on March 18, 2020, the Malaysian government will enforce the Movement Control Order (PKP), which will begin from the spread. Various sections of the economy, including traders and manufacturing workers, were shut down, with the exception of critical services such as police, fire, and others, which may continue to operate. As a result, alimony is not given since the husband, ex-husband, or parent who is self-employed or works in a factory is unable to go out and work to make money. The data collection strategy employed in this study is a library study and a field study. The statistical data of alimony arrears cases was evaluated, and the cases were parsed to discuss case resolution, whether it was effective or not. According to the findings of the study, matters that were not brought up for discussion could be addressed online or over the phone. According to the settlement, 75.71 percent of the cases were effectively handled with both sides' input.

Keywords: Child Maintenance, Maintenance Arrears, Consultation, Sharia Court.

PENGENALAN

Nafkah merupakan tanggungan keperluan yang perlu disediakan oleh seorang suami atau bapa kepada isteri dan anak-anaknya. Ia merupakan tanggungjawab yang wujud akibat berlakunya hubungan perkahwinan dan terhasilnya sebuah keluarga melalui kehadiran anak-anak. Kewajipan mesti ditunaikan tanpa mengira seorang suami atau bapa itu seorang yang kaya atau miskin. Kadar tanggunggunya adalah berdasarkan kemampuan si suami atau bapa, dan ia juga menurut kebiasaan dalam sesebuah masyarakat tersebut. Kewajipannya ini hanya gugur apabila perkahwinan tersebut tamat, atau anak-anak yang kecil sudah dewasa dan boleh mencari nafkah sendiri. Perbincangan ini akan membincangkan mengenai kedudukan tanggungjawab nafkah ini semasa tanggungan dikenakan ke atas suami atau bapa, apabila berlaku sesuatu situasi yang boleh membebankan si penanggungnya.

Kewajipan Nafkah Isteri dan Anak

Kewajipan nafkah anak dan isteri adalah terletak di bawah bapa kandung atau suami. Hal ini telah ditetapkan dalam al-Qur'an dalam ayat 233, surah al-Baqarah. Allah SWT berfirman:



Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya.

(Al-Baqarah, 2:233)

Dalam ayat tersebut menjelaskan bahawa nafkah anak perlu diberi oleh si bapa dengan menyediakan makanan dan pakaian kepada ibu dan anaknya. Pemberian nafkah tersebut adalah berdasarkan kemampuan si bapa iaitu bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, perubatan dan tempat tinggal (Al-Marghinani, 2001).

Dalam mendefinisikan maksud nafkah, sebahagian fuqaha seperti Ibnu Abidin ada menyatakan bahawa nafkah ialah pemberian sesuatu daripada orang yang bertanggungjawab untuk meneruskan kehidupan kepada orang yang di bawah tanggungannya (Ibnu Ā'bidin, 1996). Pendapat daripada Abu Abdullah pula membahaskan bahawa nafkah adalah keperluan asas yang tidak berlebih-lebihan (Abu Ābdullah Muḥammad bin Ābdullah bin Āli, 1317H). Selain itu, pendapat daripada al-Syarqawi mendefinisikan nafkah ialah sesuatu kadar makanan tertentu yang perlu disediakan oleh suami atau bapa kepada isteri dan anaknya (Al-Sharqawi Ābdullah, 1309H/1891M). Kadar makanan yang perlu disediakan adalah kecukupan bagi keperluan mereka seperti roti, pakaian, minuman, tempat tinggal dan sebagainya (Mansur ibn Yunus ibn Idris al-Buhuti, 1974).

Di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang yang mewajibkan pemberian nafkah bapa kepada anaknya. Dalam Seksyen 73(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen 3) memperuntukkan:-

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajiban seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Begitu juga berkaitan tanggungjawab nafkah suami ke atas isterinya dan tanggungjawab bekas suami ke atas isterinya semasa tempoh iddah. Seksyen 60 (Enakmen 3) ada memperuntukkan:

(1) *Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.*

Kedua-dua peruntukan ini adalah selari dengan hukum syarak yang meletakkan tanggungan nafkah ke atas seorang bapa atau suami, melainkan berdasarkan hukum



Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri itu didapati nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya (Enakmen 3).

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kesan Ekonomi

Pada Disember 2019 yang lalu, penemuan Corona Virus Disease (Covid-19) di negara China telah memberi impak ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Ia tidak hanya memberi kesan kepada isu kesihatan (Rozita Talha, 2020), tetapi ia juga turut memberi kesan kepada sektor ekonomi sesebuah negara khususnya kepada pendapatan penduduknya. Tindakan setiap negara mengisytiharkan sekatan perjalanan dan menutup sempadan negara bagi mengekang penularan wabak Covid-19 daripada berjangkit dan merebak ke serata tempat telah menjejaskan sumber ekonomi sesetengah rakyat khususnya yang bergantung penuh kepada pelancongan dan pengangkutan udara (Nik Azmi Nik Omar et. al, 2021).

Tidak ketinggalan di Malaysia, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara pada 18 Mac 2020 yang menyebabkan semua sektor ditutup kecuali sektor terpenting berkaitan keselamatan dan kesihatan seperti Polis, Hospital, Bomba dan pembekalan makanan seperti pasar, kedai dan pasaraya besar. PKP juga menyebabkan larangan pergerakan dan larangan berhimpun yang melibatkan aktiviti seperti sosial, keagamaan, budaya dan sukan (Rosde Ammituh & Borhan Abdullah, 2020). Akibat PKP ini, penjaja jalanan dan mereka yang bekerja sebagai pembantu jualan dan sebagainya di bawah sektor yang tidak penting tidak dapat meneruskan aktiviti ekonomi mereka. Ini menyebabkan mereka kehilangan pendapatan dan pekerjaan sehingga menjejaskan sara hidup dan memberi kesan kepada tanggungan mereka. Sehingga kini, beberapa siri PKP telah dilaksanakan seperti PKP 2.0 bertarikh pada 13/1/2021 sehingga 18/2/2021 (Astroawani.com, 2021) dan PKP 3.0 yang bertarikh 1/6/2021 (Berita Harian, 2021) dengan pembukaan sektor ekonomi yang dikawal ketat.

Menurut *newsletter* Jabatan Perangkaan Malaysia (Rozita Talha, 2020) PKP telah memberi kesan kepada hampir 33.8 juta penduduk Malaysia sama ada dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan, hubungan sosial dan keagamaan. Dalam bidang pekerjaan dan perniagaan, kesannya lebih ketara sehingga mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan pendapatan, perniagaan terjejas, potongan gaji dan pembayaran sewa premis tanpa keuntungan. Ini dapat dilihat pada Jadual 1 di bawah:



Jadual 1: Kelemahan Sektor Pekerjaan dan Perniagaan akibat PKP

Sektor	Golongan Terkesan	Kelemahan
Pekerjaan dan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none">• Majikan• Pekerja kerajaan dan swasta• Peniaga• Petani dan nelayan	<ul style="list-style-type: none">• Hilang pekerjaan dan sumber pendapatan• Permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga• Gangguan semasa bekerja (BDR)• Perniagaan atau premis terpaksa ditutup• Potongan gaji

Sumber: Newsletter Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesan yang sangat ketara adalah kepada syarikat-syarikat kecil, pusat pendidikan swasta dan peniaga kecil yang bergantung kepada hasil jualan harian. Kesemua kesan ini telah menyebabkan pendapatan menjadi mengecil dan sara hidup harian menjadi terjejas sehingga ada yang tidak mampu membayar sewa rumah, pembayaran kenderaan dan keperluan terbaharu persekolahan seperti telefon bimbit dan komputer riba. Implikasi yang sama turut terkesan dalam soal tanggungan nafkah, lebih-lebih lagi apabila pihak yang ditanggung tersebut tidak tinggal sebumbung dengan si penanggung nafkah.

Tanggungan Nafkah dan Implikasi PKP

Pada asasnya, tanggungjawab seorang bapa atau suami dalam menanggung nafkah tidak berubah sekalipun kehilangan pekerjaan atau pendapatan. Tanggungjawab nafkah masih berterusan dan ia bergantung kepada kemampuannya semasanya. Tuntutan ini juga berterusan bagi yang telah mendapat perintah daripada mahkamah untuk melaksanakannya (Nora Abdul Hak, 2004). Si bapa tidak boleh menganggap bahawa disebabkan PKP maka dia tidak perlu membayar nafkah ataupun menghentikan pembayaran nafkah buat seketika seperti mana yang dilakukan oleh bank-bank melalui kaedah moratorium (Astroawani.com, 2021). Ini kerana nafkah adalah berkaitan dengan keperluan asas seperti makan minum, tempat tinggal, pakaian dan kesihatan. Pembayaran nafkah hanya boleh terhenti sekiranya terdapat perintah lain yang telah membatalkan pelaksanaan pembayaran nafkah tersebut. Oleh itu, sekiranya si bapa atau si suami gagal melaksanakan pembayaran tersebut setelah melebihi tempoh sebulan, maka ia dikira sebagai tunggakan atau hutang nafkah (Enakmen 4). Syeikh Wahbah al-Zuhaili menyebut:

Tidak dianggap hutang anak ke atas bapanya, kecuali diperintahkan oleh kadi atau dengan izin kadi sebagai hutang dengan sebab ghaib bapa tersebut atau bapanya tersebut terhalang daripada membelanjakan. Dan gugur nafkah anak itu di sisi fuqaha' dengan luputnya tempoh masa, sekiranya tidak ada hutang atau tidak ada keizinan. Ini kerana nafkah anak itu diwajibkan ke atas bapa bagi



membendung keperluan anak dan dengan luputnya tempoh masa bermakna keperluan anak itu juga telah luput

(Wahbah al-Zuhaili, 1997)

Prinsip yang sama ditegaskan dalam undang-undang Seksyen 132(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004 (Enakmen 4) memperuntukan:

Jika apa-apa ansuran yang dibenarkan dengan perintah di bawah subseksyen (1) tertunggak selama tempoh lebih dari satu bulan, perintah itu hendaklah disifatkan telah terbatal dan pemiutang penghakiman bolehlah menjalankan pelaksanaan bagi mendapatkan kesemua amaun yang pada masa itu kena dibayar atas penghakiman itu, tetapi penghutang penghakiman itu boleh memohon untuk mendapatkan perintah yang lain.

Oleh itu, dalam menuntut tunggakan tersebut, Pemiutang Penghakiman (si isteri, bekas isteri atau si ibu) hendaklah mengadu hal tersebut di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). BSK adalah agensi kerajaan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menguatkuasakan undang-undang mengenai tunggakan nafkah isteri, bekas isteri dan nafkah anak. Oleh kerana tanggungan nafkah adalah mengambil kira kemampuan si suami, bekas suami atau bapa, proses siasatan dan perbincangan akan dilakukan terlebih dahulu.

Justeru, objektif dalam kajian ini adalah ia melihat kepada penyelesaian kes tunggakan nafkah yang berlaku pada era pandemik covid-19 dimana pihak Penghutang Penghakiman telah culas untuk membayar nafkah setelah diperintahkan oleh mahkamah. BSK akan mengambil tindakan dengan melaksanakan proses runding cara kepada kedua-dua pihak terutamanya kepada Penghutang Penghakiman (suami, bekas suami atau si bapa) bagi menyelesaikan tunggakan tersebut (Halimatus Saadiah binti Kariya, 2015). Proses runding cara akan dilaksanakan antara pegawai runding cara BSK bersama-sama dengan pihak Pemiutang Penghakiman dan Penghutang Penghakiman bagi mencapai persetujuan. Pegawai runding cara BSK juga tidak memihak kepada sesiapa dalam proses tersebut dan matlamat utama adalah hutang nafkah yang tertunggak perlu diselesaikan supaya ia dapat dikembalikan daripada hak kepada yang berhak (Hanna Ambaras Khan, 2020).

Dalam hal ini, keadilan turut dipertimbangkan kepada si penanggung nafkah sekiranya wujud situasi yang boleh memudaratkan akibat kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Manakala untuk menjamin keadilan kepada pihak tanggungan pula, ruang aduan tetap dibuka sekiranya ada berlaku kemungkiran tanggungjawab. Walaupun sektor ekonomi ditutup, namun mahkamah tetap beroperasi seperti biasa dengan syarat perlu diminimakan kehadiran pelanggan ke mahkamah dan diwajibkan mematuhi Tatacara Piawaian Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Maka dengan itu, sekiranya terdapat aduan dari Pemiutang Penghakiman, pihak BSK akan memanggil pihak-pihak tersebut dengan mengeluarkan notis kehadiran sebagai temujanji bersama pegawai runding cara BSK. Pihak BSK hanya menerima sekurang-



kurangnya dua orang dalam satu-satu masa sahaja. Proses runding cara turut merayakan situasi semasa dan kebiasaannya pihak JKSM lebih mengutamakan runding cara yang dilakukan secara atas talian seperti *video call* berbanding berhadapan semasa PKP berlangsung (Arahan Ketua Hakim Syarie, 2021).

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur adalah kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Dalam kajian yang bertajuk "*Penggunaan Mediasi di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) (2010 – 2020): Satu Analisa*" menjelaskan mengenai tujuan penubuhan BSK dan pencapaian selama 10 tahun tersebut. BSK yang mempunyai tiga unit untuk penguatkuasaan bagi kes tunggakan nafkah di mahkamah syariah iaitu unit khidmat nasihat dan perundangan (UKNP), unit pengurusan dana (UPD) dan unit penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah (UPPP). Dalam kajian tersebut mendapati, BSK telah mencapai penubuhannya dalam memulakan prosiding dengan mediasi terlebih dahulu antara kedua-dua pihak bertikai sebelum dilaksanakan penguatkuasaan. Namun, mediasi tersebut perlu dinaiktaraf dengan menawarkan mediasi secara atas talian. (merujuk kepada situasi pandemik Covid-19) (Jazilah Mohd Saad, et. al 2020). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memfokuskan kepada penyelesaian kes semasa pandemik Covid-19 dan hanya membincangkan tujuan penubuhannya sahaja.

Selain itu, terdapat juga kajian mengenai mediasi atas talian yang digunakan oleh Bahagian Sokongan Keluarga. Kajian ini telah menggunakan soal selidik dan diedarkan kepada pegawai BSK seluruh negeri di Malaysia bagi mengetahui tahap kefahaman dalam melaksanakan perbincangan atas talian. Kajian tersebut dilakukan oleh Jazilah Mohd Saad, et. al dan kajian mendapati lebih dari 50% penggunaan secara atas talian adalah lebih praktikal dalam menyelesaikan kes-kes tunggakan nafkah semasa era pandemik Covid-19 (Jazilah Mohd Saad, et. al 2020). Namun, kajian ini tidak membincangkan bagaimana kes dapat diselesaikan dengan cara penggunaan atas talian tersebut.

Seterusnya kajian daripada Ahmad Mukhlis Mansor et. al yang menjelaskan kes-kes di mahkamah syariah menggunakan platform atas talian akibat pandemik Covid-19. Dalam menggunakan sistem tersebut, beberapa Tatacara Piawai Operasi (SOP) dikenalkan bagi memudahkan perbincangan yang dilakukan atas talian bagi menyelesaikan kes-kes yang bertikai. Kes-kes yang dibincangkan adalah perceraian, tuntutan nafkah anak dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memfokuskan kepada penyelesaian tunggakan nafkah anak dan hanya dibincangkan di negeri Selangor sahaja. (Ahmad Mukhlis Mansor, et. al. 2020).

Dan kajian yang terakhir dalam literatur kajian ini adalah bertajuk "*Kebiasaan Baharu Dalam Pelaksanaan Sulh Kes Hadhanah dan Nafkah Anak: Isu dan Cabaran*". Sulh adalah perbincangan antara kedua pihak secara damai dalam menyelesaikan masalah. Dalam kajian ini, kes-kes yang bertikai adalah melibatkan kes penjagaan anak dan juga nafkah anak. Dalam menyelesaikan masalah semasa pandemik Covid-19, kes-kes yang didaftarkan dapat diselesaikan dengan cara prosiding atas talian.



Antara medium yang digunakan dalam Majlis Sulh adalah *Skype*, *Webex* dan *Zoom*. Namun, kajian ini hanya tertumpu kepada kes hadhanan dan tuntutan nafkah anak sahaja dan bukan tuntutan tunggakan nafkah. Kes-kes yang didaftarkan hanyalah di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (Ruzita Ramli, et. al. 2020).

Kajian-kajian terdahulu membincangkan proses penyelesaian kes dalam atas talian. Ia tidak membincangkan mengenai tuntutan tunggakan nafkah bagi mendapatkan semula hak pemiutang. Justeru, bagi mengisi kelompongan mengenai tanggungjawab seorang suami, bekas suami atau si bapa kepada orang dibawah tanggungannya, kajian ini akan memfokuskan penyelesaian yang perlu dibayar agar keperluan bagi seorang isteri dan jua anak terjamin.

MASALAH KAJIAN

Setelah didaftarkan di BSK, BSK akan mengeluarkan notis kehadiran kepada kedua-dua pihak bagi tujuan untuk hadir ke mahkamah dalam membincangkan kes tunggakan nafkah. Permasalahan yang timbul adalah Penghutang Penghakiman tidak hadir setelah notis dikeluarkan. Ini disebabkan kebanyakan Penghutang Penghakiman adalah mereka yang terkesan dengan implikasi ekonomi ini dan lebih mengutamakan pencarian rezeki yang baharu untuk menampung sara hidup harian (Norazila Mat, et. al. 2021). Selain itu, pihak pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang juga telah menghadkan kehadiran bagi mana-mana pelanggan untuk hadir ke mahkamah bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 di merata tempat. Pihak pentadbiran juga mengesyorkan untuk menjalankan kes-kes yang sedang dalam prosiding dilakukan perbincangan runding cara secara atas talian bersemuka melalui *webex*, *zoom*, *google meet* dan lain-lain lagi (Puan Nor Hidayah binti Ismail, 2021).

Akibat latar belakang ekonomi yang rendah yang kebanyakannya golongan B40, (Muhamad Zahid Muhamad, et. al. 2021) perbincangan runding cara secara atas talian adalah sukar dilaksanakan kerana rata-rata pelanggan tidak mempunyai akses kemudahan talian internet di kediaman, terutamanya yang menetap di kawasan luar bandar. Selain tiada liputan jalur lebar di kawasan penempatan, pelanggan juga tidak mempunyai kemampuan untuk melanggan data internet yang berkelajuan tinggi. Pendapatan yang diperolehi lebih diutamakan kepada membiayai sara hidup harian dan keperluan lain yang lebih diutamakan. Justeru, perbincangan runding cara melalui atas talian tidak mendapat sambutan. Pada masa yang sama, kebanyakan pelanggan yang terdiri daripada Penghutang Penghakiman tidak memberi kerjasama yang penuh dan cuba untuk mengelak dari perbincangan panggilan video (Puan Nor Hidayah binti Ismail, 2021). Keadaan ini menyebabkan sesi runding cara tidak berjaya dan kesannya menjejaskan pihak yang ditanggung nafkah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode pengumpulan data yang terdiri daripada kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan adalah segala bentuk maklumat yang diperolehi daripada dokumen, akhbar serta laman web yang berkaitan adalah dikumpulkan untuk dijadikan bahan kajian dan perbahasan



(Abdul Rashid Moten, 1998). Selain sumber-sumber ini, data-data statistik yang diperoleh daripada laman sesawang E-Nafkah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dan juga informasi pegawai daripada Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Pulau Pinang akan turut dikumpulkan bagi mengukuhkan analisis dan dapatan kajian.

Maklumat kajian turut menggunakan kajian lapangan iaitu pengumpulan maklumat yang diperolehi melalui metod temubual. Temubual yang dijalankan adalah secara bersemuka (Ahmad Sunawari Long, 2009) dan juga secara atas talian berdasarkan mana yang sesuai untuk berhubung dengan responden. Responden yang terlibat adalah pegawai runding cara dan pelanggan mahkamah mengenai penyelesaian tunggakan nafkah. Pengumpulan maklumat adalah berkaitan pengalaman mereka ketika melalui sesi rundingcara dan tuntutan ini, prosedur, kekangan dan hasilan daripada perlaksanaannya.

Semua data-data ini kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan, bagi meneliti pematuhan aspek teori, praktis dan ketepatan dalam peruntukan agama dan undang-undang. Dalam proses analisis ini, kesemua rujukan teori dan prinsip yang berteraskan agama dan undang-undang akan dijadikan rujukan utama untuk menentukan kebolehpadaan antara amalan dan teori sebenar kajian.

ANALISIS DATA KAJIAN

Terdapat beberapa kes tunggakan nafkah berlaku semasa era pandemik Covid-19 di BSK Negeri Pulau Pinang menerusi beberapa aduan yang difailkan pihak yang menuntut. Walaupun dalam tempoh PKP, pihak BSK tetap berfungsi seperti biasa menerima kes-kes yang didaftarkan dan cuba menyelesaikannya pada tahun yang sama. Berdasarkan laporan, bermula daripada bulan Mac 2020 sehingga Disember 2021, pendaftaran dan penyelesaian kes adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Pendaftaran dan Penyelesaian Kes UKNP

TAHUN	DAFTAR	SELESAI
2020 (bermula Mac)	32	32
2021	27	27
JUMLAH	59	59

Sumber: Laporan, BSK JKSN Pulau Pinang

Jadual 2 di atas menunjukkan pada tahun 2020, sebanyak 32 pendaftaran kes bagi runding cara di BSK Negeri Pulau Pinang telah dilakukan dengan penyelesaian adalah seratus-peratus pada tahun yang sama. Begitu juga pendaftaran dan penyelesaian tahun 2021 iaitu sedikit menurun iaitu berjumlah 27 kes. Ini menunjukkan jumlah keseluruhan pendaftaran kes pada tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak 59 kes dan penyelesaian juga sebanyak sebanyak 59 kes. Walaupun peratus penyelesaian yang dicatatkan adalah tinggi, namun bentuk penyelesaian kes tidaklah seratus-peratus adalah positif. Hal ini kerana keputusan penyelesaian dibahagi kepada dua keadaan iaitu penyelesaian dengan berjaya dan penyelesaian yang tidak berjaya.

Penyelesaian yang tidak berjaya juga dibahagikan kepada dua lagi, iaitu penyelesaian tidak berjaya dengan ketidakhadiran kedua-dua pihak atau salah satu pihak, dan penyelesaian yang tidak berjaya dengan tiada persetujuan bersama. Berikut adalah data perincian statistik bagi proses runding cara yang berjaya dan tidak berjaya, serta yang melibatkan ketidakhadiran pihak-pihak yang bertikai setelah notis kehadiran dikeluarkan untuk sesi runding cara:


Jadual 3: Statistik Penyelesaian Kes Runding cara

TAHUN	BERJAYA	TIDAK BERJAYA	TIDAK HADIR
2020 (bermula Mac)	22	5	5
2021	15	7	5
JUMLAH	37	12	10

Sumber: Laporan, BSK JKSN Pulau Pinang

Jadual di atas menunjukkan runding cara yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 22 kes sepanjang tahun 2020. Penyelesaian yang tidak berjaya hanyalah 5 kes sahaja manakala tidak hadir pada sesi tersebut juga sebanyak 5 kes. Ini menunjukkan peratusan bagi kes yang berjaya diselesaikan hanyalah 68.76 peratus berbanding yang tidak berjaya (termasuk tidak hadir) iaitu sebanyak 31.24 peratus. Kedudukan tidak hadir dianggap sebagai tidak berjaya kerana ia mengekalkan *status quo* pengadu yang masih tidak mendapat pembiayaan daripada tunggakan nafkah yang dituntut. Justeru, berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa tidak sampai 80 peratus kes tunggakan nafkah yang berjaya dalam runding cara di BSK pada waktu PKP dilaksanakan.

Rajah 1: Peratusan Keseluruhan Kes Runding cara



Sumber: BSK, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang



Manakala statistik pada tahun 2021 pula menunjukkan kes yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 15 kes, tidak berjaya sebanyak 7 kes dan tidak hadir juga menunjukkan sebanyak 5 kes. Keputusan ini menunjukkan pencapaian kejayaan runding cara pada tahun 2021 adalah lebih rendah iaitu 55.56 peratus sahaja, berbanding yang tidak berjaya (termasuk yang tidak hadir) iaitu sebanyak 44.44 peratus. Hal ini menunjukkan semakin lama PKP dilaksanakan maka semakin rendah peratusan kejayaan penyelesaian kes tunggakan nafkah di BSK. Walaupun penyelesaian runding cara yang berjaya adalah mendominasi daripada runding cara yang tidak berjaya dan tidak hadir, tetapi peratusan yang dicatatkan adalah rendah. Oleh itu, keseluruhannya runding cara yang berjaya, tidak berjaya dan tidak hadir pada kedua-dua tahun tersebut adalah seperti Rajah 1 di atas.

Berdasarkan Rajah 1 tersebut, penyelesaian kes yang berjaya adalah sebanyak 62.71% (37 kes) berbanding kes yang tidak berjaya iaitu 20.34% (12 kes) manakala tidak hadir hanya 16.95% (10 kes) sahaja. Walaupun terdapat tunggakan nafkah yang diadu oleh Pemiutang Penghakiman dalam tempoh PKP dengan kekangan untuk hadir ke mahkamah, BSK lebih berjaya menyelesaikan kes dengan perbincangan kedua-dua pihak di mahkamah. Bagaimanapun, tindakan lebih pro-aktif masih perlu dilakukan bagi memastikan kes-kes yang tidak hadir dapat ditangani dengan baik. Hal ini bagi meningkatkan lagi kejayaan aktiviti runding cara dengan kehadiran kedua-dua pihak ke mahkamah sama ada kes tersebut berjaya atau tidak berjaya dan memastikan tiada berlakunya runding cara yang tidak hadir. Ketidak-hadiran pihak-pihak akan menyebabkan keadilan tidak dapat dilaksanakan dan seterusnya menyebabkan mudarat kepada pihak yang sepatutnya menerima pembiayaan nafkah.

DAPATAN KAJIAN

Walaupun terdapat kekangan untuk menyelesaikan kes dengan sekatan kehadiran pihak-pihak untuk hadir ke mahkamah dengan jumlah yang banyak, BSK tetap berjaya dalam menyelesaikan kes daripada tuntutan iaitu 75.71% bagi perbincangan kedua-dua pihak. Ini bagi memastikan kes-kes yang telah didaftarkan dapat diselesaikan dengan segera. Terdapat beberapa contoh kes yang menggunakan alternatif lain dalam menyelesaikan dengan tanpa perlunya kedua-dua pihak hadir ke mahkamah. Antara contoh-contoh kes adalah sepertimana yang dihuraikan di bawah;

Contoh kes yang pertama untuk tahun 2020 adalah kes *MZR lwn AZZ (2020)* yang didaftarkan pada 3/7/2020. Dalam kes ini, kedua-dua pihak yang bertikai adalah tinggal di Georgetown, Pulau Pinang. Pada 3/2/2020, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut telah mengeluarkan perintah supaya membayar nafkah ke atas tiga orang anak sebanyak RM250 sebulan bermula daripada Oktober 2019. Walau bagaimanapun, Penghutang Penghakiman telah gagal untuk membayar nafkah seperti yang diperintahkan dan menyebabkan tunggakan nafkah sebanyak RM1,350 yang bermula daripada Oktober 2019 sehingga Jun 2020. Akibatnya, Pemiutang Penghakiman telah hadir di BSK dan mengadu mengenai kegagalan pembayaran tersebut. Rentetan itu, BSK telah mendaftarkan kes tersebut pada 3/7/2020 dan mengeluarkan notis kehadiran kepada kedua-dua pihak bertarikh 6/8/2020. Namun,



kedua-dua pihak tidak hadir setelah notis kehadiran dikeluarkan. Pihak BSK telah menelefon kedua-dua pihak dan mendapati Penghutang Penghakiman tidak boleh hadir disebabkan komitmen untuk bekerja setelah ditangguhkan beberapa bulan kerana PKP. Bagaimanapun, Penghutang Penghakiman telah memaklumkan beliau telah menyelesaikan tunggakan tersebut pada 14/7/2020 yang lalu. Pihak BSK telah menelefon Pemiutang Penghakiman setelah itu dan telah mengakui pembayaran tersebut. Kes ditutup dan penyelesaian berjaya.

Sementara dalam kes tahun 2021 adalah *ZRN lwn KLD (2021)*, Penghutang Penghakiman telah berhutang sebanyak RM3,000 bermula daripada April 2019 sehingga Disember 2020. Selepas menerima aduan daripada Pemiutang Penghakiman, BSK telah mengeluarkan notis kehadiran sebanyak dua kali untuk diadakan sesi runding cara namun Penghutang Penghakiman gagal hadir. Pihak BSK telah menelefon Penghutang Penghakiman dan telah dimaklumkan bahawa beliau tidak dapat hadir kerana berada dalam zon merah yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang menyebabkan beliau tidak dapat keluar daripada kawasan terbabit. Sebagai alternatifnya, proses runding cara diteruskan melalui panggilan telefon dan Penghutang Penghakiman telah bersetuju untuk menyelesaikan tunggakan tersebut dengan bayaran secara ansuran sehingga selesai. Justeru, kes ini dianggap berjaya dan selesai dilaksanakan.

Seterusnya kes yang juga berjaya diselesaikan secara melalui panggilan telefon ialah kes *NZH lwn RSL (2021)* dan *KSR lwn AMN (2021)*. Kes *NZH lwn RSL (2021)* didaftarkan sebagai kes tunggakan nafkah yang berjumlah RM9,400. BSK Pulau Pinang telah mengeluarkan notis kehadiran ke alamat Penghutang Penghakiman tetapi tidak dihadiri oleh Penghutang Penghakiman yang tinggal di Kulim, Kedah. Hal ini kerana Penghutang Penghakiman memerlukan surat kebenaran polis untuk merentas negeri akibat PKP yang masih berkuatkuasa. Penghutang Penghakiman telah memohon untuk mendapatkan borang kebenaran merentas negeri daripada balai polis yang berdekatan tetapi tidak diluluskan. Hal ini menyebabkan proses runding cara terpaksa dilakukan secara panggilan telefon. Perbincangan bersama pegawai BSK telah menemui titik persetujuan di mana Penghutang Penghakiman bersetuju untuk membayar tunggakan nafkah secara ansuran sebanyak RM200 sebulan yang bermula pada Mei 2021 sehingga selesai. Perakuan pembayaran secara ansuran oleh Penghutang Penghakiman ini telah dipersetujui oleh Pemiutang Penghakiman.

Runding cara secara panggilan telefon juga dilaksanakan dalam kes *KSR lwn AMN (2021)*, iaitu Penghutang Penghakiman tidak dapat menghadirkan diri setelah notis kehadiran dikeluarkan disebabkan faktor kesihatan. Dalam kes ini, Penghutang Penghakiman telah disahkan positif Covid-19 dan terpaksa dikuarantin untuk tujuan rawatan. Walau bagaimanapun, sesi runding cara dapat diteruskan melalui panggilan telefon dan Penghutang Penghakiman berkeupayaan untuk bercakap dengan pegawai BSK bagi membincangkan mengenai tunggakan nafkah. Hasil perbincangan, Penghutang Penghakiman bersetuju untuk menyelesaikan tunggakan nafkah berjumlah RM1,800 secara sekaligus pada bulan Februari 2021.



Berdasarkan kes-kes yang diuraikan di atas menunjukkan bahawa proses runding cara bagi menyelesaikan tuntutan tunggakan nafkah di BSK tidaklah rigid dan perlu dilakukan secara bersemuka sepenuhnya. Kaedah alternatif dengan melakukan perbincangan melalui telefon juga didapati adalah alternatif terbaik dan berkesan sebagai penyelesaian kes-kes yang dituntut sepanjang PKP dan PKPD. Kes-kes yang tidak dapat dihadiri oleh kedua-dua pihak atau salah satu pihak dapat diselesaikan dengan sebaiknya setelah kedua-dua pihak mencapai persetujuan. Melalui telefon juga, kedua-dua pihak terutamanya Penghutang Penghakiman dapat memberi kerjasama yang penuh dan hanya memerlukan satu tempoh yang singkat dalam perbincangan tersebut. Tambahan lagi, ia tidak memerlukan kos tambahan yang lain kerana pihak BSK yang akan menghubungi pihak-pihak tersebut. Alat peranti telefon juga hampir dimiliki oleh semua golongan terutamanya Penghutang Penghakiman dan memudahkan segala urusan walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 (Puan Dalila Hanisah Abu Bakar, 2021).

Justeru, kes-kes yang berjaya melalui telefon telah memberi sumbangan yang besar dalam penyelesaian kes secara runding cara ini. Kejayaan ini memberikan hak dan keadilan kepada pihak yang menuntut terutama dalam memenuhi keperluan sara hidup semasa PKP dan PKPD. Hal ini dapat dibuktikan bahawa dalam peratusan penyelesaian kes yang berjaya sebagaimana dicatatkan di dalam Jadual 5.2 di atas.

KESIMPULAN

Dalam tempoh PKP, walaupun Kerajaan mengumumkan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang memerlukan pergerakan yang terhad, ia tidak berkecuali bagi si suami, bekas suami atau si bapa untuk tidak melaksanakan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Si suami, bekas suami atau bapa perlu melaksanakan pembayaran nafkah tersebut kerana isteri, bekas isteri dan anak-anak perlu diberi makanan, minuman dan pakaian berdasarkan perintah yang diperolehnya. Dalam hal ini, kesan berkaitan berlaku ke atas waris tanggungan sekiranya si penanggung nafkah gagal menunaikan tanggungjawabnya akibat kehilangan pekerjaan dan pendapatan yang dihadapinya. Oleh kerana itu, isteri, bekas isteri atau si ibu terpaksa mengadu di BSK mengenai kegagalan tersebut bagi memenuhi keperluannya semasa iddah dan juga sara hidup untuk anak-anak. Mahkamah melalui BSK mengambil tindakan dengan berunding terlebih dahulu bagi mengenalpasti kemampuan si penanggung nafkah dan memastikan agar nafkah yang wajib dilaksanakan dapat dibayar dengan segera dalam cara yang sesuai dan bertepatan.

Hasil kajian mendapati tunggakan nafkah yang tidak dibayar oleh si Penghutang Penghakiman dapat diselesaikan melalui runding cara. Proses runding cara ini bersifat fleksibel iaitu ia tidak semestinya dilakukan secara bersemuka, malah boleh dilaksanakan dalam mana-mana bentuk yang sesuai seperti melalui telefon atau panggilan video. Data runding cara kes menunjukkan bahawa penyelesaian yang berjaya dapat dicapai adalah sebanyak 75.51% bagi kehadiran kedua-dua pihak bermula dari Mac 2020 sehingga Disember 2021. Secara umumnya, si Penghutang



Penghakiman telah memberi kerjasama yang baik apabila dihubungi oleh pihak BSK dan telah bersetuju untuk menyelesaikannya dengan pembayaran secara sekaligus atau secara ansuran. Hal ini menunjukkan bahawa PKP tidaklah memberi kesan sehingga menafikan hak nafkah waris tanggungan, tetapi ia boleh menerima tolak ansur dan pertimbangan melalui pembayaran secara ansuran untuk mengelak mudarat kepada si penanggung nafkah. Alternatif yang dilakukan oleh pihak BSK dengan menggunakan kemudahan telefon menunjukkan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang, pihak penguatkuasa hendaklah bersifat pro-aktif dalam memastikan kewajipan nafkah dapat ditunaikan dengan sebaiknya dan masing-masing dapat hidup dengan sempurna walaupun dalam keadaan yang terpaksa berjaga-jaga akibat penularan wabak Covid-19. Oleh yang demikian, kemudahan secara atas talian ini dapat dipraktikkan lagi sekiranya dimohon oleh kedua-dua dan sekaligus dapat mencapai matlamat untuk menyelesaikan kes tanggungan nafkah ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan kajian ini ditujukan kepada Penolong Pengarah dan Pembantu Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM).

RUJUKAN

Abu ʿAbdullah Muḥammad bin ʿAbdullah bin ʿĀli. (1317H). *Al-Khurashiyy ʿĀla Mukhtasar Khalil Juzuk 4*. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm 18.

Ahmad Mukhlis Mansor, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh. (2020). *Online Mediation in The Malaysian Shariah Court: Its Benefits and Challenges*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA). Vol. 3 No. 1 pp. 279-288. USIM

Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.

Al-Marghinani. (2001). *Al-Hidayah Jilid 3*. Karachi: al-Qur'an Mahal. Hlm 437.

Al-Sharqawi ʿAbdullah. (1309H/1891M). *Ḥashiyat al-Sarqawi ʿĀla Sharḥ al-Taḥrīr Li Zakariya al-Anṣari Juzuk 2*. Mesir: Al-Husayniyyah. Hlm 303.

Arahan Ketua Hakim Syarie Pengoperasian Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. 1 (b) (iii).

Astroawani.com bertarikh 12 Januari 2021, PKP 2.0: Ini Sektor Ekonomi yang Dibenarkan Operasi. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-20-ini-sektor-ekonomi-yang-dibenarkan-operasi-277365>



- Astroawani.com bertarikh 31 Mei 2021, Pemeraksa PLUS: Moratorium Untuk B40, Rakyat dan PKS Terjejas. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemeraksa-plus-moratorium-untuk-b40-rakyat-dan-pks-terjejas-300845>
- Berita Harian bertarikh 28 Mei 2021, Kerajaan Umum Total Lockdown Bermula 1 Jun. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/821845/kerajaan-umum-total-lockdown-bermula-1-jun>
- Halimatus Saadiah binti Kariya. (2015). *Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah Anak: Kajian Mengenai Peranan Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah*. Disertasi Akademi Pengajian Islam: UM
- Hanna Ambaras Khan. (2020). *Mediation: Community Disputes," dim. Alternative Dispute Resolution Law & Practice*. Ampang, Selangor: CLJ Publication. Hlm 65.
- Ibnu Ā'bidin. (1996). *Hasyiah Radd al-Mukhtar Juzuk 3*. Mesir: Syirkah Maktabah wa Mathba'ah Mustāfa al-Bab al-Halaby wa Auladu. Hlm 573.
- Jazilah Mohd Saad, Hanna Ambaras Khan & Nora Abdul Hak. (2021). *Online Mediation in Family Support Division (BSK) in Contemporary Issues in Islamic Family Law, Property and Finance*. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia: Putrajaya, Malaysia (pp. 235-248).
- Jazilah Mohd Saad, Muhammad Amir Firdaus Sidin & Hanna Ambaras Khan. (2020). *Penggunaan Mediasi di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) (2010-2020): Satu Analisa*. International Conference on Islamic Law 2020.
- KSR Iwn AMN (2021), Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UKNP: 9/2021.
- Mansur ibn Yunus ibn Idris al-Buhuti. (1974). *Kashshaf al-Qina, juz 5*. Makkah: Matba'at al-Hukumah. Hlm 532.
- Muhamad Zahid Muhammad, Syamsulang Sarifuddin & Mohd Khairi Ismail. (2021). *Pandemik Covid-19: Kemudahterancaman Isirumah dan Kelestarian Ekonomi di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKIM) ke-15. 27 Januari 2021.
- MZR Iwn AZZ (2020), Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UKNP: 33/2020.
- Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd Hamid, Nabila Ahmad, Mohd Fazil Jamaludin & Siti Faizura Hassam. (2021). *Pandemik Covid -19: Keberkesanan Penyebaran Maklumat Oleh Kerajaan Dan Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Journal of Public Security and Safety Vol. 11 No. 1/2021.
- Nora Abdul Hak. (2004). *Hak Kanak-kanak Dari Aspek Hadhanah Dan Nafkah Di Bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



- Norazila Mat, Muhammad Farhan Misron, Nur Atiqah Abdullah & Jamsari Alias. (2021). *Pandemik Covid-19: Kesan Terhadap Gelagat Pengurusan Perbelanjaan Semasa Masyarakat Malaysia*. Jurnal Personalia Pelajar 24(2): 141-150: UKM
- NZH lwn RSL (2021), Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UKNP: 1/2021.
- Puan Dalila Hanisah binti Abu Bakar, Penolong Pengarah di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 25hb Oktober 2021.
- Puan Nor Hidayah binti Ismail, Pembantu Syariah di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 31hb Ogos 2021.
- Rosde Ammituh & Borhan Abdullah. (2020). *Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah*. Open Education Resources Centre: UMS
- Rozita Talha. (2020). *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/D_OSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf
- Ruzita Ramli, Dina Imam Supaat & Hasnizam Hashim. (2020). *Kebiasaan Baharu Dalam Pelaksanaan Sulh Kes Hadhanah dan Nafkah Anak: Isu dan Cabaran*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA). Vol. 3 No. 1 pp. 414-437. USIM.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Ā'dillatuh*, edisi 4, jilid 10. Damsyik: Dar al-Fikr. Hlm 829.
- ZRN lwn KLD (2021), Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UKNP: 4/2021.

Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004.